

DBKL akan batalkan lebih 300 lesen disalah guna

KUALA LUMPUR - Lebih 300 pemegang lesen yang menyalahgunakan pelbagai lesen yang diluluskan di bawah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan berdepan dengan tindakan pembatalan selain turut disenarai hitam.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Jalaluddin Alias berkata, ia membabitkan lesen penjaja, lesen peniaga dan lesen premis.

Menurutnya, penyalahgunaan lesen itu membabitkan perbuatan menjual dan memberi sewa atau sublesen tersebut kepada pihak ketiga termasuk warga asing.

“Setakat ini kita dapati lebih 300 pemegang lesen melakukan kesalahan itu dan kita akan ambil tindakan untuk membatalkan lesen-lesen berkenaan.

“Mereka yang didapati bersalah juga akan disenarai hitamkan dan tiada lagi peluang kedua buat mereka,” katanya pada sidang akhbar di sini pada Selasa.

Jalaluddin menegaskan, beliau sendiri turut melaku-



JALALUDDIN

kan pemeriksaan mengejut bagi memastikan lesen yang diberikan tidak disalahgunakan termasuk di Pasar Borong Selayang.

Sementara itu, beliau berkata, Kementerian Wilayah Persekutuan akan mengambil tindakan tegas sekiranya benar dakwaan wujud kartel dalam sektor pembinaan atau projek pembinaan dikuasai pihak tertentu.

“Saya tidak izinkan perkara ini berlaku dan kalau ada dalam pentadbiran serta pengurusan DBKL, ia tidak akan dibiarkan terus menerus berlaku,” jelasnya.

Katanya, projek itu tidak boleh dimonopoli pihak tertentu yang berkepentingan dan mengambil peluang di atas keistimewaan diberikan kepada kontraktor Melayu.

Beliau berkata, sekiranya perkara itu berlaku, ia tidak adil kepada mana-mana kontraktor yang benar-benar mahu menjalankan kerja kontrak sebagai kontraktor bumiputera di wilayah dan negeri lain.